



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1998

PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN

BILANGAN 1 TAHUN 1997

KURSUS INDUKSI DI BAWAH SISTEM SARAAN BARU (SSB)

TUJUAN

1. Tujuan Surat Pekeling ini ialah untuk memaklumkan mengenai pindaan terhadap jangkamasa Kursus Induksi bagi Modul Induksi Umum dan Induksi Khusus di bawah Sistem Saraan Baru (SSB).

PINDAAN JANGKAMASA KURSUS INDUKSI BAGI MODUL UMUM DAN MODUL KHUSUS

2. Jabatan Perkhidmatan Awam setelah membuat kajian dan mendapatkan maklumbalas daripada agensi-agensi yang mengendalikan Kursus Induksi memutuskan supaya jangkamasa Kursus Induksi Modul Induksi Umum dan Induksi Khusus bagi setiap kumpulan dipendekkan lagi. Ini selaras dengan dasar Kerajaan pada ketika ini untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

3. Dengan ini, jangkamasa Kursus Induksi seperti di bawah [Surat Pekeling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1997](#) adalah dipinda seperti berikut :-

KUMPULAN

JANGKAMASA

Induksi Umum

Induksi Khusus

Kumpulan I

Tidak melebihi 15 hari

1 hingga 3 hari

Kumpulan II

Tidak melebihi 10 hari

1 hingga 3 hari

Kumpulan III

Tidak melebihi 7 hari

1 hingga 3 hari

LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN PERBELANJAAN KERAJAAN

4. Jabatan-jabatan yang mengendalikan Kursus Induksi hendaklah mempastikan langkah-langkah penjimatan perbelanjaan Kerajaan diambil kira iaitu:-

- i. Kursus Induksi tidak digalakkan sama sekali diadakan di hotel-hotel. Jika perlu, kelulusan khas Perbendaharaan Malaysia hendaklah diperolehi.

Kursus Induksi seboleh-bolehnya hendaklah diadakan di Institusi-Institusi Latihan milik

- ii. Kerajaan atau di Jabatan-Jabatan.

Kursus Induksi boleh juga dijalankan secara berperingkat di Jabatan-Jabatan semasa waktu

- iii. pejabat.

TARIKH KUATKUASA

5. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada 1 Jun 1998.



.....
(DATO' HAJI KHALIL BIN HAJI HUSSAIN)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia

Kompleks JPA, Jalan Tun Ismail

KUALA LUMPUR

10 JUN 1998

Edaran:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun dan

Pihak Berkuasa Tempatan.